

ULASAN BUKU

Sabah dalam Hubungan Malaysia-Indonesia
oleh Ramli Dollah, Mohammad Faizal Rashid & Eko Prayitno Joko
Kota Kinabalu: Penerbit UMS, 2019, hlm. 271. ISBN: 978-967-2166-25-2

ASMADY IDRIS

Program Hubungan Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
88400 Universiti Malaysia Sabah
asmadyi@ums.edu.my

Buku ini merupakan karya suntingan yang mengupas isu-isu di peringkat mikro ataupun sebagai 'isu yang terpinggir' kerana rata-rata penulisan berkaitan hubungan Malaysia dan Indonesia lebih berfokus kepada hubungan diplomatik antara kedua-dua negara atau seperti yang diistilahkan oleh penulis sebagai sentiasa terbelenggu dalam diskusi lingkungan 'authority-defined'. Dalam lain perkataan, pendekatan kupasan buku ini ingin membawa para pembaca bebas daripada hanya membincangkan isu-isu berkaitan dengan konflik semata-mata tetapi mengangkat isu-isu berunsur *bottom-up* kepada suatu ruang perdebatan yang lebih terbuka agar boleh mendatangkan manfaat kepada semua pihak.

Bagi memenuhi matlamat di atas, penulis telah memilih Sabah sebagai kajian kes yang dilihat berupaya memberikan suasana bugar dalam konteks wacana hubungan Malaysia dan Indonesia. Sabah dipilih kerana negeri ini turut terlibat secara langsung dalam Konfrontasi yang dilaungkan oleh Indonesia menentang proses penubuhan Malaysia melalui peristiwa berdarah di Kalabakan pada 29 Disember 1963. Selain itu, kedudukan geografi Negeri di Bawah Bayu yang berkongsi sempadan dengan wilayah Kalimantan, isu Pendatang Tanpa Izin (PTI), terutamanya dari Indonesia dan pada masa yang sama, Sabah juga berfungsi sebagai 'tali pengikat' untuk mengekalkan keharmonian antara kedua-dua negara dek wujudnya perkongsian dalam interaksi keserumpunan budaya dan hubungan kekeluargaan adalah pemilihan kajian kes yang tepat.

Dalam membicarakan posisi Sabah dalam konteks hubungan dua hala Malaysia-Indonesia, sebanyak 16 bab hasil daripada sejumlah 27 penulis telah dimasukkan di dalam buku ini. Isu-isu yang dianalisis adalah pelbagai, sama ada dari sudut diskusi kandungan mahupun metodologinya. Antara isu-isu tersebut termasuklah skop pendidikan (Bab 2), ekonomi (Bab 3 dan 4), konseptual identiti sosiopolitik (Bab 1, 7, 8 dan 15), sejarah (Bab 6, 11

dan 12), warisan sosio-budaya (Bab 13), komunikasi budaya (Bab 5 dan 14), keselamatan (Bab 9) dan sosioperundangan (Bab 10). Perbincangan isu-isu tersebut bermula dengan meletakkan Sabah sebagai ‘Benang Merah’ dalam ruang lingkup keserumpunan Malaysia-Indonesia sehinggalah kepada pencongakan benang merah Sabah dalam menentukan corak hubungan dua hala pada masa akan datang.

Pada dasarnya, kesemua isu yang dimuatkan di dalam buku ini merupakan adunan isu lama terutamanya yang berkaitan dengan isu sejarah dan warisan dan isu semasa seperti aspek keselamatan, imigran, pendidikan dan ekonomi khususnya menyentuh tentang sasaran Sabah untuk menjadikan Indonesia sebagai destinasi eksport petroleum dan besi sekitar era 1990-an sehinggalah 2013. Kaedah kupasan dan analisis adalah mudah difahami dan seperti yang diutarakan oleh penulis bahawa buku ini boleh memberikan ruang bernafas daripada hanya memfokus kepada skop ‘authority-defined’ kepada wacana keserumpunan dan kekeluargaan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang mungkin diberikan perhatian oleh penulis untuk memurnikan lagi huraian perbincangan dan struktur penyusunan penulisan buku ini. Antaranya adalah termasuk huraian konsep ‘Benang Merah’ dalam Bab 1 yang sewajarnya diberikan definisi yang lebih komprehensif. Para pembaca amat berhasrat ingin mengetahui maksud ‘Benang Merah’? Mengapa bukan benang yang berwarna lain dipilih?

Selain itu, ada baiknya jika kesemua 16 isu tersebut diletakkan dalam satu atau gabungan dua tema agar pautan dan keterikatan antara isu-isu tersebut lebih nyata bagi mendukung bahawa Sabah berperanan sebagai ‘benang merah’ dalam memelihara hubungan antara Malaysia dan Indonesia. Tanpa dinafikan berkemungkinan isu-isu yang ditulis merupakan sumbangan secara rambang daripada para penulis. Namun penyatuan idea masih boleh diperbaiki. Penulis boleh bermula dari tema sejarah, konsep pembentukan identiti hinggalah kepada pencongakan pada masa hadapan. Jika perkara ini dapat dilakukan, maka ia dapat membantu pembaca menghayati setiap kupasan yang tercakup di dalam buku ini.

Seperkara lagi, penulis membincangkan aspek teoretikal dan konseptual yang agak mendalam dalam Bab 16 iaitu bab yang terakhir. Pengulas berpendapat adalah lebih baik jika kupasan bab ini diletakkan dalam Bab 1 atau satu bab baharu dapat diwujudkan yang lebih memfokus kepada diskusi teoretikal dan konseptual. Huraian yang dibuat dalam Bab 16 boleh dianggap sebagai nakhoda kepada bab-bab yang lain dan seharusnya boleh diletakkan dalam bab-bab terawal kerana di sinilah pembebasan perbincangan dari skop 'authority-defined' yang dimaksudkan.

Kesimpulannya, buku suntingan ini telah berjaya dihasilkan sebagai sebuah lagi wacana yang cuba menjelaskan karekter dan tatacara hubungan Malaysia dan Indonesia dari perspektif Sabah. Perspektif dan metode kupasan yang dibuat adalah menepati kehendak penulis dan sewajarnya dapat memberikan selautan ilmu dan maklumat kepada para pembaca. Buku ini boleh juga disyorkan sebagai bahan rujukan tambahan bagi kursus-kursus yang ditawarkan di peringkat universiti seperti Kursus Titas dan Hubungan Etnik kerana isu-isu lokal perlu diangkat ke peringkat nasional apatah lagi kepada para mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS). Langkah ini bertujuan agar mereka lebih mengenali budaya setempat dan secara tidak langsung dapat mengukuhkan ikatan perpaduan antara rakyat berbilang bangsa.

